

Headline	Fungsi TISC diperluaskan dalam bioteknologi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	24	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	254 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,020
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,060



AHMAD BASHAH MD. HANIPAH (belakang.tengah) bersama sebahagian peserta dalam Bengkel Latihan Mengenai Carian dan Pemeriksaan Paten Dalam Bidang Bioteknologi di Ibu Pejabat MyIPO, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR

Fungsi TISC diperluaskan dalam bioteknologi

KUALA LUMPUR 19 Okt. - Malaysia akan memperluaskan fungsi Pusat Teknologi dan Galakan Inovasi (TISC) di rantau ini dengan adanya lebih banyak sokongan daripada institusi pengajian tinggi awam dan pusat penyelidikan tempatan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah berkata, TISC antaranya akan digunakan bagi tujuan carian dan pemeriksaan paten dalam bidang bioteknologi.

Menurutnya, pemeriksaan paten di pejabat harta intelek di negara-negara membangun termasuk Malaysia perlu ada bagi tujuan meningkatkan kemahiran pemeriksaan paten serta kaedah penyelarasan dalam bidang bioteknologi.

"Jumlah paten dalam produk berkaitan harta intelek yang telah direkodkan meningkat 6 peratus setiap tahun di negara ini.

"7,350 paten telah dibuat pada 2013 dan meningkat kepada 7,760 pada 2014. Daripada 7,760 paten pada tahun lalu, 417 paten atau 5.3 peratus adalah dalam bidang bioteknologi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Bengkel Latihan Mengenai Carian dan Pemeriksaan Paten Dalam Bidang Bioteknologi di ibu pejabat Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di sini hari ini.

Bengkel itu anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dengan kerjasama MyIPO, Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO) dan Pejabat Paten dan Cap Dagangan Jerman (DPMA).

Yang turut hadir ialah Ketua Pengerah MyIPO, Shamsiah Kamaruddin dan wakil WIPO, Tshimanga Kongolo.

Seramai 16 pemeriksa paten dari

11 negara iaitu Belarus, Colombia, Cuba, Mesir, Kenya, Arab Saudi, Thailand, Indonesia, Zimbabwe, Syria dan Malaysia terlibat dalam bengkel selama lima hari itu.

Kata Ahmad Bashah, setakat ini tiga universiti tempatan iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) serta Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) telah memberi komitmen untuk tujuan tersebut.

"Saya berharap agar lebih banyak institusi pengajian tinggi awam dan pusat penyelidikan di negara ini yang akan tampil menjadi hos atau bekerjasama dengan MyIPO bagi mencapai matlamat itu.

"Tujuannya adalah bagi meningkatkan serta mengharmonikan sistem harta intelek seperti perlindungan, pentadbiran dan penguatkuasaan selaras dengan standard di peringkat antarabangsa," ujarnya.